

25 APR 1996

SKIM ASW 2020 DILANCAR OGOS, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Skim Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), skim amanah saham bagi rakyat Malaysia di bawah umur 30 tahun akan dilancarkan Ogos ini, kata Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Skim yang akan mempunyai saiz tabung permulaan sebanyak tiga bilion unit diwujudkan untuk memberi peluang pelaburan dan memberikan semangat kekeluargaan dan perpaduan baru bagi rakyat Malaysia yang berbilang kaum, katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa penasihat skim berkenaan, beliau berkata komposisi tabung akan dihadkan 51 peratus kepada Bumiputera dan selebihnya kepada bukan Bumiputera bagi menjamin pengagihan yang saksama.

Skim yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed tahun lepas itu akan dilaksanakan menurut cadangan yang dikemukakan oleh Permodalan Nasional Bhd selaku pengurus skim.

ASW 2020 dijangka akan mewujudkan kesedaran baru bagi golongan muda untuk melibatkan diri dalam skim pelaburan dan sambutan dijangka meluas, kata Anwar yang juga Timbalan Perdana Menteri.

Skim yang disasarkan kepada golongan muda berumur 12 hingga 30 tahun dijangka menarik minat pelajar sekolah menengah dan penuntut institusi pengajian tinggi.

Pembelian skim yang akan mula ditawarkan pada hari pelancaran (yang akan diumumkan kemudian), dihadkan kepada minimum 100 unit bagi individu dan 5,000 unit bagi pelabur institusi. Setiap unit berharga RM1.

Tawaran jualan akan dibuka sehingga semua unit habis dijual.

Pelaburan maksimum bagi individu berjumlah 50,000 unit manakala bagi pelabur institusi sebanyak 500,000 unit.

"Keutamaan pelaburan diberikan kepada individu," tegas Anwar.

Anwar berkata memandangkan skim itu berbentuk pelaburan jangka panjang, penjualan unit akan dihadkan kepada empat kali setahun.

"Urus niaga ASW 2020 akan diselenggarakan oleh Amanah Saham Nasional Bhd melalui agen berkomputernya di seluruh negara," kata Anwar.

Dividen, yang dikecualikan daripada cukai, akan dibayar kepada pelabur-pelabur berasaskan baki minimum bulanan pelaburan mereka. --

BERNAMA

AD SIA